

Kerajaan MADANI berjaya selesai 13 tuntutan MA63

PM beri jaminan tetap penuhi semua permintaan Sabah yang tertunggak sejak puluhan tahun

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan MADANI mencapai kemajuan dalam penyelesaian Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dengan Sabah apabila 13 daripada tuntutannya berjaya diselesaikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia dilaksanakan menerusi Jawatankuasa Teknikal di bawah Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

"Antara tuntutan yang diper-setujui bersama Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Sabah termasuk penyerahan kuasa kawal selia elektrik dan Sabah Electricity Sdn Bhd kepada kerajaan Sabah.

"Malah Kerajaan Persekutuan tetap menyediakan RM1.2 bilion untuk menjamin kelangsungan bekalan elektrik di Sabah," katanya ketika menyampaikan sesi penerangan khas Perdana Menteri berkaitan isu pemberian khas Sabah di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, Sabah, dengan sokongan Kerajaan MADANI, kerjasama tersebut membuah hasil dengan kontraktor minyak dan gas Sabah memperoleh projek bernilai RM2 bilion pada tahun 2024.

Anwar berkata Kerajaan Persekutuan juga bersetuju supaya Sabah mengenakan cukai jualan ke atas produk petroleum bagi tujuan menjana hasil tambahan kepada negeri sekitar RM2 bi-



Anwar pada sesi penerangan khas Perdana Menteri berkaitan isu pemberian khas Sabah di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto bernama)

lion setahun.

Perdana Menteri memberi jaminan Kerajaan Persekutuan sedaya upaya akan menyelesaikan semua tuntutan dalam MA63 yang masih tertunggak sejak puluhan tahun.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan meningkatkan kadar pemberian khas kepada Sabah dan menambah peruntukan mengurus dan pembangunan setiap tahun untuk faedah rakyatnya.

"Komitmen ini adalah bertenaga supaya segala obligasi Kerajaan Persekutuan kepada Sabah di bawah Perlembagaan Persekutuan dapat dipenuhi selain menambah baik pemberian khas Sabah sesuai dengan keperluan perkhidmatan kerajaan Sabah dan kemampuan fiskal Kerajaan Persekutuan," katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sedang merumuskan kaedah baharu menentukan perkiraan pemberian khas kepada Sabah pada masa depan.

Katanya, di bawah kerajaan se-

karang, kajian semula pemberi-

an khas kepada Sabah sudah dilaksanakan dua kali iaitu pada 2023 dan tahun ini.

"Di bawah kerajaan MADANI, kajian semula pemberian khas dilaksanakan pada 2023 dan kita mencapai persetujuan bersama untuk menggandakan kadar pemberian khas kepada RM300 juta.

"Pada 2025, Kerajaan Persekutuan sekali lagi melaksanakan kajian semula dan mencapai persetujuan dengan kerajaan Sabah untuk menaikkan sekali ganda lagi kadar pemberian khas kepada RM600 juta," katanya.

Kadar pemberian khas naik

Beliau berkata, kadar pemberian khas dinaikkan kepada RM600 juta adalah bersifat interim, di mana pembayaran itu sudah disempurnakan pada 10 September lalu kepada kerajaan Sabah.

Untuk rekod, kata Anwar, perbelanjaan Kerajaan Persekutuan untuk Sabah terus meningkat, meliputi pemberian negeri, perbelanjaan mengurus agensi persekutuan, subsidi bahan api serta perbelanjaan un-

tuk pembangunan.

"Jumlah perbelanjaan sebenar untuk Sabah bagi 2022 sekitar RM13 bilion. Di bawah kerajaan MADANI, perbelanjaan untuk Sabah ditingkatkan kepada sekitar RM14 bilion bagi 2023 dan tahun lalu.

"Kerajaan juga terus meningkatkan peruntukan kepada Sabah mencecah RM17 bilion bagi tahun ini dan 2026," katanya.

Hakikatnya, Anwar berkata, perbelanjaan ini jauh melebihi jumlah hasil yang dikutip di Sabah bagi 2022, 2023 dan tahun lalu iaitu sekitar RM10 bilion setahun.

Dalam Belanjawan 2026 pula, katanya, peruntukan pembangunan untuk Sabah mencecah hampir RM7 bilion iaitu tertinggi berbanding negeri lain.

"Sejak 2024 juga, Kerajaan (Persekutuan) menyediakan pembiayaan berjumlah RM1 bilion untuk projek air Sabah dan ini dijangka siap pada tahun depan," katanya.

Anwar berkata, kerajaan Persekutuan turut menyokong pertumbuhan sektor minyak dan gas di Sabah, di mana pada Disember 2021, Perjanjian Kerjasama Komersial (CCA) dimeterai dengan kerajaan negeri bertujuan meningkatkan penyertaan anak tempatan dalam industri minyak dan gas.

Anwar berkata, kerajaan menghormati dan akan meneliti alasan penghakiman Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu mengenai pemberian 40 peratus hasil dari Sabah kembali ke negeri itu.

Beliau berkata, alasan penghakiman akan diteliti sebelum sebarang tindakan lanjut dilaksanakan atas nasihat Peguam Negara demi kebaikan dan kepentingan Sabah dan Malaysia seluruhnya.

Katanya, Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu antara lainnya, mengarahkan Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan kajian semula bersama Kerajaan Sabah di bawah Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan, bagi memberikan kesan terhadap hak 40 peratus kepada negeri itu.

SENARAI 13 TUNTUTAN BERKAITAN PERJANJIAN MALAYSIA 1963 (MA63) YANG DISELESAIKAN

1. Pengiktirafan JKR dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah dan Sarawak sebagai Jabatan Teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182 (AP182)
2. Pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 1995 bagi melantik wakil kerajaan Sabah dan Sarawak sebagai Anggota Tetap LHDN
3. Penyerahan Kuasa Kawal Selia Bekalan Gas di Sabah
4. Pentadbiran Badan Kehakiman di Sabah dan Sarawak.
5. Penyediaan Garis Panduan Penyerahan Semula Tana'h Direzabkan bagi maksud Persekutuan di Sabah dan Sarawak
6. Penyerahan kuasa kawalselia elektrik kepada kerajaan Sabah
7. Cadangan pindaan Perkara 95B Perlembagaan Persekutuan mengenai ubah suai bagi Sabah dan Sarawak mengenai pembahagian kuasa perundangan
8. Penukaran Status Pelabuhan Bintulu dari Pelabuhan Persekutuan ke pelabuhan negeri
9. Pindaan Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak
10. Penyerahan kuasa kawalselia gas petroleum cecair (LPG) kepada kerajaan Sarawak
11. Penyerahan semula kuasa pentadbiran ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada kerajaan Sabah
12. Pindaan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan berkaitan kedudukan istimewa Sabah dan Sarawak sebagai rakan setaraf (equal partners) dalam pembentukan Malaysia.
13. Pemberian kuasa mengenai pelesenan dan penangkapan ikan laut kepada kerajaan Sabah dan Sarawak